

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 1 FEBRUARI 2015 (AHAD)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Lebih banyak kampung terpencil akan dibekalkan tenaga solar	Bernamea.com
2	Angin kencang, laut bergelora dijangka sehingga Selasa	Bernamea.com
3	Kelab Astronautik dilancar, sasar 100,000 ahli	Utusan Malaysia
4	BiotechCorp jalin kerjasama dengan Larta	Mingguan Malaysia



Lebih Banyak Kampung Terpencil Akan Dibekalkan Tenaga Solar

KUCHING, 1 Feb (Bernama) -- [Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi \(MOSTI\) dan Akademi Sains Malaysia \(ASM\)](#) sedang bekerjasama dengan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah serta Kementerian Kerajaan Tempatan bagi mengenal pasti lebih banyak kawasan terpencil di negara ini yang perlu dibekalkan tenaga solar.

[Ketua pegawai operasi ASM Hazami Habib](#) berkata MOSTI dan ASM memerlukan bantuan dua kementerian itu untuk memudahkan urusan mengenal pasti kampung yang memerlukan kemudahan tersebut.

Katanya Malaysia memiliki kelebihan untuk memanfaatkan tenaga boleh diperbaharui seperti solar, angin, ombak dan biomas untuk mengelaknya terlalu bergantung pada bahan bakar fosil.

Hazami berkata penggunaan tenaga solar boleh membantu meningkatkan kemajuan ekonomi masyarakat, terutama golongan miskin di luar bandar.

"Ideanya ialah apabila mereka mempunyai akses kepada tenaga, mereka boleh melibatkan diri dalam perniagaan kecil, contohnya industri desa untuk meningkatkan taraf kehidupan," katanya kepada Bernama.

Hazami berkata projek itu akan dibiayai MOSTI, termasuk dari segi penyediaan teknologi, set jana kuasa dan antena solar, di samping mendidik penduduk cara menyenggara set berkenaan.

Bagaimanapun, kata beliau sekiranya berlaku kerosakan serius terhadap set berkenaan, MOSTI akan menghantar jurutera untuk membaikinya.

-- BERNAMA



Angin Kencang, Laut Bergelora Dijangka Sehingga Selasa

KUALA LUMPUR, 1 Feb (Bernama) -- Angin kencang Timur Laut dan bergelora kategori pertama di kawasan perairan Kelantan, Terengganu, Pahang, timur Johor, Sarawak, Kudat, Sandakan, pantai barat dan pedalaman Sabah dijangka berterusan sehingga Selasa ini.

Keadaan sama dijangka melanda Samui, Tioman, Bunguran, Reef North, Kuching, Labuan dan Sulu.

Menurut [Jabatan Meteorologi Malaysia](#), angin kencang Timur Laut dengan kelajuan 40 hingga 50 kilometer sejam (kmsj) dan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter akan berlaku dalam tempoh itu.

"Sementara itu, angin kencang dan laut bergelora kategori kedua di perairan Condore, Reef North, Layang-layang dan Palawan juga dijangka berterusan sehingga Selasa ini," menurut kenyataan itu di sini, hari ini.

Angin kencang Timur Laut dengan kelajuan 50 hingga 60 kmsj dan ombak mencapai ketinggian sehingga 4.5 meter itu berbahaya kepada semua aktiviti perkapalan dan pantai termasuk menangkap ikan serta perkhidmatan feri.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 17
TARIKH: 1 FEBRUARI 2015 (AHAD)

Kelab Astronautik dilancar, sasar 100,000 ahli

KUALA LUMPUR 31 Jan. - Kelab Astronautik Malaysia, yang dilancarkan hari ini menyasarkan 100,000 keahlian dalam kalangan pelajar sekolah rendah bagi menarik minat mereka mendalami bidang sains pada usia muda.

Presiden Persatuan Astronautik Malaysia (AAM), Kapten Mohammed Faiz Kamaludin berkata, kelab itu turut dicadangkan untuk aktiviti kokurikulum di sekolah, sebagai tambahan untuk pengajaran mengenai sains dan teknologi aeroangkasa.

"Kami mahu menjadikan pembelajaran sains sebagai subjek menyeronokkan kerana bagi kanak-kanak ini, sains merupakan subjek yang susah.

"Jadi kami mengambil pendekatan dengan mengajar mereka mengenai sains dan teknologi aeroangkasa dalam modul kokurikulum selain daripada pelajaran sedia ada

yang diajar di kelas," katanya dalam sidang media selepas majlis pelancaran kelab itu di Planetarium Negara, di sini, hari ini.

Majlis itu disempurnakan **Ketua Pengarah Agensi Angkasa Negara (ANGKASA), Dr. Noordin Ahmad.**

Bagi penyertaan hari ini sahaja, sebanyak 100 pelajar dari Asia Pacific Smart School, Subang telah mendaftar sebagai ahli kelab.

Sementara itu, Pembantu Penolong Pengarah, Bahagian Kokurikulum dan Kesenian, Kementerian Pendidikan, Alias Yoop yang turut hadir pada majlis itu berkata, kementerian menyokong penuh mana-mana program yang melibatkan pembelajaran pelajar di sekolah.

"Kami menyokong sepenuhnya usaha yang dijalankan oleh Persatuan Astronautik ini. Bagaimanapun untuk prosedur kemasukan ke sekolah kerajaan, ia perlu mendapat kebenaran kementerian.

"Bagaimanapun, kementerian amat mengalu-alukan penubuhan kelab yang berlandaskan pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM)," katanya.

Persatuan AAM yang ditubuhkan pada 2009 dianggotai 59 calon yang menyertai program angkasan negara pada 2006-2007 dan penaung persatuan itu ialah angkasan pertama negara, Datuk Dr. Sheikh Muszaphar Shukor.

Mengenai kelab astronautik itu, Mohammed Faiz berkata, persatuan ini mendapat kerjasama daripada ANGKASA dan **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).**

Mohammed Faiz berkata, tiada sebarang bayaran dikenakan kepada pelajar yang menjadi ahli kelab dan pihaknya akan mencari penaja bagi menampung kos program yang dijalankan. - **BERNAMA**



MOHAMMED FAIZ KAMALUDIN (duduk, dua dari kiri) memberi penerangan mengenai pelepasan roket kepada pelajar-pelajar Asia Pacific Smart School selepas pelancaran Kelab Astronautik Malaysia di Planetarium Negara, Kuala Lumpur, semalam. - **BERNAMA**

KERATAN AKHBAR
MINGGUAN MALAYSIA (RENCAM) : MUKA SURAT 32
TARIKH: 1 FEBRUARI 2015 (AHAD)

TEKNO



PROGRAM bersama Larta telah berjaya membawa 18 syarikat bertaraf BioNexus berkembang dan meningkatkan hubungan bagi membantu perniagaan berkembang di peringkat antarabangsa.

BIOTECHCORP

JALIN KERJASAMA DENGAN LARTA



BIOTECHCORP melalui rangka kerja BioNexus telah berjaya membina rangkaian 248 syarikat berstatus BioNexus. - Gambar hiasan.

Syarikat terpilih mempunyai keupayaan untuk sesi interaktif khusus pada akses pasaran, landskap perniagaan, harta intelek, dana, pasaran, jenama dan pengkomgsiaan perniagaan...

Oleh **KHAIRUNNISA SULAIMAN**
nkai@pemandu.com.my

DALAM masa persiapan pelaksanaan Polisi Bioteknologi Kebangsaan (NBP) Fasa 3, Perbadanan Bioteknologi Malaysia (BiotechCorp) agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menjalin kerjasama dengan Institut Larta dari Amerika Syarikat (AS) bagi melaksanakan 'Program Menjana Bioekonomi: Program Membantu Pengkomersialan' bagi meningkatkan taraf syarikat berasaskan bioteknologi.

Larta adalah sebuah perbadanan tidak berasaskan keuntungan, sebuah hub inovasi, badan swasta serta bebas. Mereka menyediakan perkhidmatan profesional dalam mereka bentuk dan menguruskan program pengkomersialan bagi syarikat swasta dan awam serta universiti dan agensi kerajaan di

AS serta agensi kerajaan dan pihak berkuasa hampir seluruh dunia.

Ketua Pegawai Eksekutif BiotechCorp, Datuk Dr. Mohd Nazlee Kamal berkata, terdapat 20 syarikat terlibat dalam pelaksanaan CAP sejak dimulakan pada tahun 2010 yang mendapat faedah daripada Larta dengan menjadi jambatan antara pelabur dan syarikat bagi tujuan pengkomersialan.

"Melalui latihan dan mentor oleh Penasihat Prinsipal Larta, syarikat bertaraf BioNexus berupaya menghasilkan strategi peta pengkomersialan yang digunakan bagi menjalinkan hubungan dengan rangkaian Larta sebagai pemimpin industri," katanya selepas majlis perasmian Program Menjana Bioekonomi: Program Membantu

Pengkomersialan di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Program ini mendapat sambutan menggabungkan selain menjadi mentor bagi 20 syarikat yang terdiri daripada spin-off dari universiti dan syarikat dengan status BioNexus.

"Selama tujuh bulan program latihan dan mentor akan membantu menyediakan syarikat bagi meningkatkan potensi komersial dan kesediaan terhadap perniagaan peringkat antarabangsa.

"Pada 13 dan 14 Januari lalu BiotechCorp dan Larta menjalankan Bengkel Latihan Pengkomersialan. Semasa bengkel, syarikat terpilih mempunyai keupayaan untuk sesi interaktif



DR. MOHD NAZLEE KAMAL



ROHIT SUKHLA

khusus pada akses pasaran, landskap perniagaan, harta intelek, dana, pasaran, jenama dan pengkomgsiaan perniagaan," katanya.

Pemilihan dilakukan melalui temuramah dan BiotechCorp akan memilih 20 syarikat terbaik untuk menyertai bengkel berkenaan selain menerima latihan selama tujuh bulan.

Ketua Pegawai Eksekutif Larta, Rohit Sukhla berkata, Larta menyediakan forum terbaik bagi syarikat tempatan belajar mengenai aspek penting bagi pengkomersialan selain membantu membawa produk dan perkhidmatan ke pasaran antarabangsa.

"Program Larta telah berjaya membawa 18 syarikat bertaraf BioNexus berkembang dan meningkatkan hubungan bagi membantu perniagaan berkembang di peringkat antarabangsa," katanya.

BiotechCorp melalui rangka kerja BioNexus telah berjaya membina rangkaian 248 syarikat berstatus BioNexus yang menjana lebih RMA 6 bilion pelaburan yang sebahagiannya berkaitan dengan aktiviti eksport.

Menjelang 2015, BiotechCorp akan membetulkan penekanan kepada tiga segmen utama iaitu kosmetik dan kesihatan, bahan kimia berasaskan biologi serta tempa sel dan stem cell.